

## Statistik jumlah penagih mengikut jenis pekerjaan (Tahun 2006)

Jumlah	Jumlah	Peratus
■ Buruh Am	3,578	19.53
■ Pekerja binaan	3,034	16.56
■ Perkhidmatan	2,369	2.93
■ Jualan	2,308	12.60
■ Pertanian/Perikanan	1,536	8.38
■ Penganggur	1,534	8.37
■ Pengangkutan	1,286	7.02
■ Teknikal	1,277	6.97
■ Kilang	934	5.10
■ Pengurusan	200	1.09
■ Penuntut	172	0.94
■ Perkeranian	55	0.30
■ Hiburan	41	0.22
■ Lain-lain	4,487	9.99
■ Jumlah	22,811	100.00

Sumber: Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)

# Pekerja ketagih jejas produktiviti

BH MJS 4 19.6.07

**K**UALA LUMPUR: Pekerja yang terbabit dalam penyalahgunaan dadah dikesan kerap mengalami kecederaan di tempat kerja serta lebih banyak menuntut pampasan perubatan dan ganti rugi, sedangkan produktiviti mereka jauh lebih rendah berbanding pekerja lain.

Mereka juga mencatatkan kadar ketidakhadiran bekerja lebih tinggi berbanding rakan lain dan sering datang lambat ke tempat kerja.

Penolong Pengarah (Pencegahan), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Rajenthiran S Palanisamy, berkata berdasarkan kajian, selain itu pekerja yang menagih biasanya mengambil cuti tiga minggu lebih kerap berbanding pekerja lain.

Katanya, akibat sindrom negatif itu, syarikat yang menggaji pekerja menagih dadah terpaksa menanggung kos perubatan jutaan ringgit setahun untuk memulihkan produktiviti dan penjagaan kesihatan di kalangan pekerja mereka.

"Imej syarikat akan terjejas

dan pekerja yang tidak bertanggungjawab itu dikatakan terbabit ke atas 50 hingga 80 peratus kes kecurian dan kehilangan di tempat kerja.

"Jika majikan membuang pekerja yang menagih dadah dan mengambil pekerja baru, mereka akan menanggung kos tambahan untuk merekrut serta memberi latihan," katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk *Pelaksanaan Program Tempat Kerja Bebas Dadah* sempena Seminar Perdana Pencegahan Dadah di Tempat Kerja, semalam.

Katanya, pekerja yang bermasalah itu juga mewujudkan suasana tidak harmoni seperti sering mencetuskan perselisihan faham dan pergaduhan sesama pekerja.

Sehubungan itu, majikan perlu memastikan program pencegahan dadah di tempat kerja diterapkan dalam amalan pengurusan dan mempunyai strategi berkesan mewujudkan tempat kerja bebas dadah, termasuk melatih penyelia supaya dapat mengenal pasti penagih di kalangan pekerja.